

Instrumen Contoh

Soalan 1 : Kesalahan Bahasa

1. Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. **Gariskan** kesalahan tersebut dan **tulis** jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.
 - i) Warga emas perlu berjumpa dengan doktor dari masa ke semasa demi menjaga kesihatan mereka.
.....
 - ii) Orang ramai sangat berpuas hati dengan keenakan masakan di Ahmad Restoran.
.....
 - iii) Kebanyakan kanak-kanak amat sukakan rancangan televisyen yang berbentuk animasi.
.....
 - iv) “Saya akan melaksanakan titah perintah tuanku,” sembah Panglima Awang kepada baginda sultan.
.....

[Maksimum 8 m]

Teknik Menjawab:

1. Soalan ini memerlukan dua tugas iaitu **gariskan kesalahan** dan **tulis** jawapan pada ruangan yang disediakan.
2. Kesalahan tatabahasa **tidak semestinya** satu perkataan tetapi mungkin kesalahan rangkai kata/frasa.
3. Pemarkahan : Kesalahan yang digaris **1 markah**, jawapan yang ditulis **1 markah**.
 - i) Warga emas perlu berjumpa dengan doktor dari masa ke semasa demi menjaga kesihatan mereka.
dari masa ke masa / dari semasa ke semasa
 - ii) Orang ramai sangat berpuas hati dengan keenakan masakan di Ahmad Restoran.
Restoran Ahmad
 - iii) Kebanyakan kanak-kanak amat sukakan rancangan televisyen yang berbentuk animasi.
suka akan
 - iv) “Saya akan melaksanakan titah perintah tuanku,” sembah Panglima Awang kepada baginda sultan.
Patik

Instrumen Contoh 1

Soalan 4 : Peribahasa

4. Lihat gambar di bawah dengan teliti, kemudian tulis **satu** peribahasa yang sesuai dengan gambar tersebut

i)



ii)



Teknik Menjawab:

MARKAH	KRITERIA
2 markah	Peribahasa yang tepat berdasarkan gambar
1 markah	Terdapat kesalahan susunan perkataan dalam peribahasa yang tidak menjejaskan maksud peribahasa
0 markah	- Peribahasa yang tidak tepat berdasarkan gambar - Penggunaan perkataan yang menjejaskan maksud peribahasa - Peribahasa yang tidak lengkap

1. Nyatakan peribahasa yang tepat berdasarkan gambar

i)



Melentur buluh biarlah daripada rebung

ii)



Bagai mencurah garam ke laut

2. Elakkan daripada kesalahan susunan perkataan dalam peribahasa supaya tidak menjejaskan maksud peribahasa. Contoh:
Biarlah melentur buluh daripada rebung
(sepatutnya *melentur buluh biarlah daripada rebung*)

Bagai garam dicurahkan ke laut
(sepatutnya: *bagai mencurah garam ke laut*)

3. Elakkan menulis peribahasa yang tidak tepat berdasarkan gambar.
Contoh:
Seperti menebas buluh serumpun (maksudnya *merosakkan nama kaum kerabat*)
Bagai gelegar buluh (maksudnya *bercakap besar*)
Memberi garam kepada laut (maksudnya *menolong orang yang tidak perlu ditolong*)
Garam jatuh ke air (maksudnya *nasihat yang diterima dengan baik*)
4. Elakkan penggunaan perkataan yang menjejaskan maksud peribahasa
Contoh:
Buluh asalnya daripada rebung
Garam masin seperti air laut
5. Elakkan peribahasa yang tidak lengkap
Contoh:
Bagai melentur buluh.
Bagai mencurah garam

Instrumen Contoh 2:

4. Lihat gambar di bawah dengan teliti, kemudian tulis **dua** peribahasa yang sesuai dengan gambar tersebut



- i. Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat
- ii. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

Instrumen Contoh

Soalan 5 : Pemahaman Prosa Moden

5 Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Telah genaplah empat puluh hari empat puluh malam. Maharaja Marakarma dan isterinya dihias dengan selengkapnya, dinaikkan ke atas perarakan panca persada tujuh tingkat, dihadap oleh segala raja, dan anak dara yang memegang puan. Kemudian diarak berkeliling negeri Mercu Indera tujuh kali. Maharaja Kisna Indera, Mengindera Dewa, raja Mengernalaelaa, dan Raja Dikar Agas Peri pun menunjukkan kesaktian masing-masing, seperti Maharaja Kisna Indera memanah ke udara, turun hujan bunga rampai. Mangindera Dewa juga memanah ke udara, turun pula hujan air mawar, panah raja Mengernalaelaa dapat mengeluarkan cahaya matahari, dan Dikar Agus Peri memanah ke udara, turun hujan permata ratna mutu manikam.

Segala raja, menteri dan rakyat sekalian di negeri Mercu Indera menjunjung duli dan berdoa semoga Sultan Maharaja Marakarma dan Tuan Puteri Cahaya Khairani menjadi raja di dalam negeri Mercu Indera itu.

(Dipetik daripada prosa klasik *Hikayat Marakarma*,
Antologi *Harga Sebuah Lukisan*, Tingkatan 3,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Nyatakan unsur-unsur kesaktian yang diperlihatkan oleh beberapa watak yang terdapat dalam petikan prosa di atas. (3 markah)
- ii) Petikan prosa di atas menggambarkan sebahagian daripada upacara pertabalan raja sebuah negeri. Apakah perkara-perkara yang dilakukan dalam upacara tersebut? (3 markah)
- iii) Pada pendapat anda, mengapakah raja-raja pada zaman dahulu dikatakan memiliki ilmu kesaktian? (4 markah)

Teknik Menjawab:

Pemarkahan 4 markah

MARKAH	KRITERIA
4 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
3 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

Pemarkahan 3 markah

MARKAH	KRITERIA
3 markah	- Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis
2 markah	- Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

SOALAN 1 : ANALISIS PETIKAN

- i) Nyatakan unsur-unsur kesaktian yang diperlihatkan oleh beberapa watak yang terdapat dalam petikan prosa di atas. (3 markah)

Tips:

- Jawapan kepada soalan ini terdapat dalam petikan prosa.
- Tandakan jawapan tersebut dengan menggunakan pen 'highlight' seperti di bawah:

Telah genaplah empat puluh hari empat puluh malam. Maharaja Marakarma dan isterinya dihias dengan selengkapnya, dinaikkan ke atas perarakan panca persada tujuh tingkat, dihadap oleh segala raja, dan anak dara yang memegang puan. Kemudian diarak berkeliling negeri Mercuri Indera tujuh kali. Maharaja Kisna Indera, Mengindera Dewa, raja Mengernalelaa, dan Raja Dikar Agas Peri pun menunjukkan kesaktian masing-masing, seperti Maharaja Kisna Indera memanah ke udara, turun hujan bunga rampai. Mangindera Dewa juga memanah ke udara, turun pula hujan air mawar, panah raja Mengernalelaa dapat mengeluarkan cahaya matahari, dan Dikar Agus Peri memanah ke udara, turun hujan permata ratna mutu manikam.

- Jawapan yang ditandakan sama dengan skema jawapan

Skema Jawapan:

- | | | |
|----|-----------------------|--|
| i) | Unsur-unsur kesaktian | |
| | Maharaja Kisna Indera | - memanah ke udara, hujan turun bunga rampai |
| | Mengindera Dewa | - memanah ke udara, turun hujan air mawar |
| | Raja Mengernalela | - memanah ke udara, mengeluarkan cahaya matahari |
| | Dikar Agus Peri | - memanah ke udara, turun hujan permata |

Contoh Jawapan:

Unsur kesaktian yang diperlihatkan oleh beberapa watak yang terdapat dalam petikan prosa tersebut ialah Maharaja Kisna Indera memanah ke udara, turun hujan bunga rampai. **Unsur kesaktian yang lain** ialah Mangindera Dewa memanah ke udara, turun pula hujan air mawar. **Unsur kesaktian yang berikutnya** ialah panah raja Mengernalelaa dapat mengeluarkan cahaya matahari.

(Sekiranya tidak dinyatakan bilangan isi yang diperlukan, sebaik-baiknya calon menulis jumlah isi mengikut peruntukan markah)

SOALAN 2 : ANALISIS PETIKAN

- ii) Petikan prosa di atas menggambarkan sebahagian daripada upacara pertabalan raja sebuah negeri.
Apakah perkara-perkara yang dilakukan dalam upacara tersebut? (3 markah)

Tips:

- Jawapan kepada soalan ini terdapat dalam petikan prosa.
- Tandakan jawapan tersebut dengan menggunakan pen 'highlight' seperti di bawah:

Telah genaplah empat puluh hari empat puluh malam. Maharaja Marakarma dan isterinya dihias dengan selengkapnya, dinaikkan ke atas perarakan panca persada tujuh tingkat, dihadap oleh segala raja, dan anak dara yang memegang puan. Kemudian diarak berkeliling negeri Mercu Indera tujuh kali. Maharaja Kisna Indera, Mengindera Dewa, raja Mengernalelaa, dan Raja Dikar Agas Peri pun menunjukkan kesaktian masing-masing, seperti Maharaja Kisna Indera memanah ke udara, turun hujan bunga rampai. Mangindera Dewa juga memanah ke udara, turun pula hujan air mawar, panah raja Mengernalelaa dapat mengeluarkan cahaya matahari, dan Dikar Agus Peri memanah ke udara, turun hujan permata ratna mutu manikam.

Skema Jawapan:

- ii) Perkara-perkara yang dilakukan dalam upacara:
Dihias dengan selengkapnya
Dinaikkan ke atas panca persada tujuh tingkat
Dihadap oleh segala raja dan anak dara yang memegang puan
Diarak berkeliling negeri Mercu Indera tujuh kali
calon mesti mengemukakan **dua daripada isi yang disenaraikan

Contoh Jawapan:

Perkara yang dilakukan dalam upacara pertabalan raja sesebuah negeri ialah Maharaja Marakarma dan isterinya dihias dengan selengkapnya. **Perkara yang lain** ialah Maharaja Marakarma dan isterinya dinaikkan ke atas perarakan panca persada tujuh tingkat. **Perkara yang berikutnya** ialah Maharaja Marakarma dan isterinya diarak berkeliling negeri Mercu Indera tujuh kali

(Sekiranya tidak dinyatakan bilangan isi yang diperlukan, sebaik-baiknya calon menulis jumlah isi mengikut peruntukan markah)

SOALAN 3 : SOALAN KBKK

- i) Pada pendapat anda, mengapakah raja-raja pada zaman dahulu dikatakan memiliki ilmu kesaktian? (4 markah)

Tips:

- Jawapan bagi soalan ini TIADA dalam petikan.
- Calon mesti mengemukakan idea yang RELEVAN dengan kehendak soalan

Skema Jawapan:

Diwarisi daripada keturunan
Menunjukkan kehebatan raja-raja
Menjadi lambang kedaulatan
Menjaga keamanan negara
***terima mana-mana dua jawapan yang relevan

Jawapan Contoh

Pada pendapat saya, raja-raja pada zaman dahulu dikatakan memiliki ilmu kesaktian kerana ingin menunjukkan kehebatan raja-raja. Selain itu, ilmu kesaktian menjadi lambang kedaulatan seseorang raja. Seterusnya, ilmu kesaktian diwarisi daripada keturunan raja-raja.

(Pastikan ayat yang ditulis lengkap dengan subjek dan predikat serta gramatis)

Instrumen Contoh

Soalan 6 : Pemahaman Puisi Tradisional

6 Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PANTUN EMPAT KERAT

(Berjimat cermat)

Pergi ke belukar memasang pikat,
Pulangnya lewat di hujung petang;
Jikalau sentiasa berjimat cermat,
Rezeki secupak terasa segantang.

Indah nian pemandangan dunia,
Dari timur hingga selatan;
Sikap berjimat amalan mulia,
Orang boros sahabat syaitan.

Masak meranum buah ara,
Jatuh sebiji di atas papan;
Jika berjimat setiap perkara,
Pasti terjamin masa hadapan.

Sungguh pahit buah peria,
Dimakan juga buat sayuran;
Membesar belanja sikap sesia,
Hanya menambah beban kewangan.

Singgah berehat di Kota Lama,
Kuih dijamah air dihirup;
Berjimat cermat suruhan agama,
Jika diamal sejahteralah hidup.

Dipetik daripada
Antologi Kasut Kelopak Jantung, Tingkatan 1
Dewan Bahasa dan Pustaka

- i) Berdasarkan pantun tersebut, nyatakan faedah-faedah yang diperoleh daripada amalan berjimat cermat. (3 markah)
- ii) Jelaskan pengajaran yang dapat diperoleh daripada pantun tersebut. (3 markah)
- iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk mendidik anak-anak supaya berjimat cermat? (4 markah)

Teknik Menjawab:

Pemarkahan 4 markah

MARKAH	KRITERIA
4 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
3 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

Pemarkahan 3 markah

MARKAH	KRITERIA
3 markah	- Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis
2 markah	- Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

SOALAN 1 : ANALISIS PETIKAN

- i) Berdasarkan pantun di atas, nyatakan faedah-faedah yang diperoleh daripada amalan berjimat-cermat? (3 markah)

Tips:

- Jawapan kepada soalan ini terdapat dalam petikan puisi.
- Jawapan mestilah jangan dalam bentuk bahasa pantun

Skema Jawapan:

- i)
- Rezeki sentiasa cukup (Rangkap 1: *Rezeki secukup terasa segantang*)
 - Tidak menjadi sahabat syaitan (Rangkap 2: *Orang boros sahabat syaitan*)
 - Masa depan terjamin (Rangkap 3: *Pasti terjamin masa hadapan*)
 - Mengurangkan beban kewangan (Rangkap 4: *Hanya menambah beban kewangan*)
 - Hidup menjadi sejahtera (Rangkap 5: *Jika diamal sejahteralah hidup*)

****calon mesti mengemukakan dua daripada isi yang disenaraikan**

Contoh Jawapan:

Faedah yang diperoleh daripada amalan berjimat-cermat ialah rezeki sentiasa mencukupi. **Faedah yang lain** ialah tidak menjadi sahabat syaitan. **Faedah yang berikutnya** ialah masa depan akan terjamin.

(Sekiranya bilangan isi yang diperlukan tidak dinyatakan dalam soalan, sebaik-baiknya calon menulis jumlah isi mengikut peruntukan markah)

SOALAN 2 : KOMSAS

- ii) Huraikan **tiga** nilai murni yang terdapat dalam pantun di atas (3 markah)

Tips:

- Jawapan kepada soalan ini terdapat dalam petikan puisi.
- Nilai murni yang dinyatakan MESTI ada imbuhan. Nilai tanpa imbuhan tidak diterima seperti *syukur, rajin* dan sebagainya.

Skema Jawapan:

- * Berjimat cermat
- * Baik hati
- * Kerajinan
- * Taat perintah agama (Orang boros sahabat syaitan)
 - **calon mesti mengemukakan **tiga** nilai murni yang relevan

Contoh Jawapan:

Nilai murni yang terdapat dalam pantun tersebut ialah berjimat cermat. **Nilai murni yang lain** ialah baik hati. **Nilai murni yang berikutnya** ialah kerajinan.

SOALAN 3 : SOALAN KBKK

- iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk mendidik anak-anak supaya berjimat cermat? (4 markah)

Tips:

- Jawapan bagi soalan ini TIADA dalam petikan.
- Calon mesti mengemukakan idea yang RELEVAN dengan kehendak soalan

Skema Jawapan:

- * Memberikan didikan sejak kecil tentang amalan berjimat cermat
- * Menyediakan tabung kepada anak-anak
- * Memberikan bekal makanan kepada anak-anak yang hendak ke sekolah
- * Menggunakan bahan yang dikitar semula
- * Menjadi contoh kepada anak-anak
 - **terima mana-mana **dua** jawapan yang relevan

Contoh Jawapan:

Pada pendapat saya, **usaha** yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk mendidik anak-anak supaya berjimat cermat ialah memberikan didikan sejak kecil tentang amalan berjimat cermat. **Usaha yang lain** ialah menyediakan tabung kepada anak-anak. **Usaha yang berikutnya** ialah memberikan bekal makanan kepada anak-anak yang hendak ke sekolah

Instrumen Contoh

Soalan 7 : Novel

7 *Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2.*

- i) Wira Pesona Avatari oleh Prof. Ahmad Zaki Abu Bakar
- ii) Erti Sebuah Pengorbanan oleh Zaihanim Zainal Abidin
- iii) Lestari Bukit Menghijau oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim
- iv) Di Sebalik Wajah oleh Abang Saifuddin Abang Bohari

Pemilihan tajuk sesebuah novel dapat dikaitkan dengan isi kandungan novel tersebut.

Buktikan pernyataan di atas berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji.

(10 markah)

Pembahagian Markah

PERINCIAN	MARKAH
Isi	6 markah
Bahasa	4 markah

Kriteria Markah Bahasa

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	4 markah	• Bahasa baik dan lancar • Ayat gramatis • Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik	2 – 3 markah	• Bahasa masih baik dan masih lancar • Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan	1 markah	• Bahasa tidak cekap • Ayat tidak gramatis • Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

Markah Isi

- 1. Maksimum : 3 isi
- 2. Bukti yang relevan dan contoh peristiwa yang sesuai : 2 markah/ 1 isi
- 3. Bukti yang relevan tanpa contoh peristiwa yang sesuai : 1 markah/ 1 isi

Nota : Berikan 2 markah bahasa sekiranya tiada isi

Skrip Contoh 1:

Pemilihan tajuk sesebuah novel dapat dikaitkan dengan isi kandung novel tersebut. Ini dapat dibuktikan berdasarkan novel Erti Sebuah Pengorbanan karya Zaihanim Zainal Abidin. Di mana, watak utamanya telah banyak berkorban demi keluarganya, rakan-rakannya dan juga dirinya sendiri dan pengorbanan itu memberi erti dan hasil yang setimpal dengan pengorbanannya. **Kehidupan watak utama novel tersebut iaitu Iman Zulaikha tidak seperti kanak-kanak yang lain.**

Isi : 2 markah
Bahasa : 3 markah
Jumlah : 05/10

Ulasan:

1. Calon hanya mengemukakan 1 isi dan 1 contoh yang lengkap iaitu:

Isi 1 : berkorban demi keluarganya, rakan-rakannya dan juga dirinya sendiri (1m)

Contoh 1 : **Kehidupan watak utama novel tersebut iaitu Iman Zulaikha tidak seperti kanak-kanak yang lain** (1m)

2. Kesalahan bahasa yang minimum seperti yang ditandakan.

Skrip Contoh 2:

Novel Erti Sebuah Pengorbanan merupakan sebuah nukilan oleh Zaihanim Zainal Abidin. Novel ini mengisahkan tentang pengorbanan seorang anak terhadap keluarganya. **Iman Zulaikha cuba untuk menyatukan orang tuanya yang telah bercerai**. Selain itu, dia juga sabar menghadapi kerenah rakannya iaitu Linda yang tidak suka pada dirinya. Di samping itu, dia juga berkorban waktunya untuk berlatih pidato bersama rakannya karibnya. Dia juga sering mendapat tempat yang teratas dalam peperiksaan. Iman dibela oleh datuk dan neneknya. Datuk dan neneknya berbangga mempunyai cucu sepertinya kerana dia merupakan seorang yang baik hati, penyayang, cerdik dan sebagainya. Dia juga telah berjaya menyatukan hubungan antara Pei Wen dan ibu tirinya. Selain itu, berkat ketekunan dan pengorbanannya dia juga telah Berjaya menyatukan kedua ibu bapanya. Akhir sekali, mereka hidup aman dan damai dalam sebuah keluarga yang lengkap.

Isi : 3 markah
Bahasa : 4 markah
Jumlah : 7/10

Ulasan:

1. Calon mengemukakan 1 isi dan 1 contoh yang lengkap dan 1 isi tanpa contoh iaitu:

Isi 1 : pengorbanan seorang anak terhadap keluarganya (1m)

Contoh 1 : **Iman Zulaikha cuba untuk menyatukan orang tuanya yang telah bercerai** (1m)

Isi 2 : dia juga berkorban waktunya untuk berlatih pidato bersama rakannya karibnya (1m)

Contoh 2 : - tiada -

2. Bahasa baik dan ayat gramatis.

Skrip Contoh 3:

Berdasarkan novel Erti Sebuah Pengorbanan yang dikarang oleh Zaihanim Zainal Abidin yang telah saya kaji, novel ini mengesahkan kecekalan dan ketabahan seorang pelajar yang bernama Iman. Setelah konflik yang berlaku antara ibu dan ayahnya, Iman tinggal bersama datuk dan neneknya di kampung. Di sekolah, Iman mempunyai seorang sahabat baik iaitu Pei Wen. Pei Wen ialah seorang yang baik hati dan suka membantu oranglain.

Iman sering menolong datuk dan neneknya di rumah. Oleh sebab itu, datuk dan nenek amat sayangkan Iman kerana Iman juga seorang pelajar taat pada perintah agama. Pada suatu hari, cikgu telah mengumumkan pertandingan berpidato. Linda, rakan sekelas Iman merupakan pesaing Iman. Oleh itu, Linda mempunyai sifat iri hati terhadap Iman kerana Iman merupakan juara pidato. Setelah bertanding, Iman memenangi pertandingan tersebut dan melayakkan dirinya menyertai pertandingan di peringkat seterusnya.

Di sekolah juga Iman telah mendapat seorang rakan baru iaitu Adif Danial. Adif Danial baru berpindah ke kampung itu bersama ibunya dan mereka tinggal bersama datuknya di kampung itu. Tiba-tiba, pada suatu hari, Adif Danial bersikap dingin dengan Iman. Hal ini kerana ibunya ingin berkahwin dengan ayah Iman. Adif Danial memberontak kerana tidak mempersetujui hasrat ibunya dan membenci Iman.

Pada masa yang sama, Iman juga tidak bersetuju dengan cadangan ayahnya itu. Hal ini kerana, Iman telah berhasrat untuk menyatukan semula ibunya dan ayahnya yang telah lama berpisah. Iman berasa sedih dan memberitahu ayahnya bahawa dia tidak bersetuju dengan hasrat ayahnya itu.

Pada suatu malam, ayah Iman telah membawa Iman, datuk dan nenek keluar untuk makan. Dalam pada itu, ayah Iman memberitahu mereka bahawa dia telah membatalkan hasratnya untuk berkahwin dengan ibu Adif Danial. Iman berasa sangat gembira kerana dia akan mendapat sahabat baiknya semula,. Tambahan pula, ayah juga telah memberitahu Iman bahawa dia akan bersatu semula dengan ibu Iman. Iman melonjak kegembiraan kerana hasrat dan usahanya untuk menyatukan ibu dan ayahnya semula telah Berjaya.

Isi : 0 markah
Bahasa : 2 markah
Jumlah : 02/10

Ulasan:

Calon tidak menjawab soalan kerana hanya menulis sinopsis

Panduan Menjawab:

1. Nyatakan novel yang dikaji serta penulisnya
2. Sebaik-baiknya tulis dalam bentuk perenggan bagi memudahkan pemeriksa mencari isi dan contoh.
3. Pastikan ada 3 isi dan 3 contoh.
4. Isi mesti ditulis dalam bentuk pernyataan isi manakala contoh mesti terdapat watak atau/dan latar.
5. Pastikan ejaan yang betul dan ayat yang gramatis.

7 *Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2.*

- i) Wira Pesona Avatari oleh Prof. Ahmad Zaki Abu Bakar
- ii) Erti Sebuah Pengorbanan oleh Zaihanim Zainal Abidin
- iii) Lestari Bukit Menghijau oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim
- iv) Di Sebalik Wajah oleh Abang Saifuddin Abang Bohari

Pemilihan tajuk sesebuah novel dapat dikaitkan dengan isi kandungan novel tersebut.

Buktikan pernyataan di atas berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji.

(10 markah)

Contoh Jawapan:

(Berdasarkan novel Lestari Bukit Menghijau oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim)

Novel yang saya kaji ialah Lestari Bukit Menghijau oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim. Pemilihan novel ini dapat dikaitkan dengan isi kandungan novel tersebut.

Bukit menghijau iaitu iaitu Bukit Bintangor mesti dilestarikan kerana bukit ini mempunyai keindahan alam semula jadi dan kaya dengan tumbuh-tumbuhan. Contohnya Zahiran mengagumi keindahan alam semula jadi Bukit bintangor dan berminat untuk mengkaji tumbuh-tumbuhan di situ.

Selain itu, Bukit Bintangor mesti dilestarikan kerana bukit ini kaya dengan tumbuhan herba untuk perubatan. Contohnya Pak Tua telah menanam pokok bintangor dengan banyaknya di bukit itu kerana pokok ini menjadi penawar kepada pesakit AIDS.

Seterusnya, Bukit Bintangor mesti dilestarikan kerana bukit ini menjadi tempat penyelidikan tumbuh-tumbuhan. Contohnya, Pak Tua telah mewakafkan tanahnya di Bukit Bintangor untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan sintesis organik.

Instrumen Contoh

Soalan 8 : Ulasan (15 markah)

- 8 Lihat carta piramid makanan di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam carta tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan



Panduan Pemarkahan

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	13 - 15	Idea Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan Ulasan idea yang jelas dan matang Bahasa Ayat gramatis Kosa kata luas dan tepat Ejaan dan tanda baca betul Penanda wacana yang betul Kesalahan bahasa yang minimum
Baik	09 - 12	Idea Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan Ulasan idea yang jelas Bahasa Ayat masih gramatis Kosa kata luas Ejaan dan tanda baca masih betul Penanda wacana yang masih betul Kesalahan bahasa yang masih minimum

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Memuaskan	05 - 08	Idea Isi tersurat dan tersirat yang masih relevan dengan bahan Ulasan idea yang kurang jelas Bahasa Ayat kurang gramatis Kosa kata terhad Kesalahan bahasa yang ketara
Penguasaan Minimum	01 - 04	Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap
Catatan: a. Karangan yang kurang daripada 80 patah perkataan (Maksimum : BAIK) b. Karangan yang kurang daripada 60 patah perkataan (Maksimum : MEMUASKAN) c. Tidak menepati tajuk/ringkas : Maksimum MEMUASKAN d. Sekiranya tiada isi tersurat @ tersirat : Maksimum 8 markah		

Skrip Contoh 1:

Kadar obesiti penduduk di negara ini sudah meningkat. Amalan gaya hidup sihat amatlah penting terutamanya pemakanan. Oleh itu, terdapat beberapa amalan pemakanan yang sihat. Kita haruslah mengurangkan makan makanan yang mempunyai lemak, minyak, gula dan garam. Jika tidak mengurangkan makanan yang mempunyai lemak, kadar obesiti akan bertambah. Selain itu, kita haruslah banyak bersenam. Dengan aktiviti ini, kita akan menjadi lebih sihat dan cergas. Di samping itu, makan mengikut waktu dan terancang juga penting. Kesimpulannya, amalan pemakanan amat penting, bak kata pepatah badan cergas otak cerdas.

(80 patah perkataan)

Ulasan:

Isi 1

Kita haruslah mengurangkan makan makanan yang mempunyai lemak, minyak, gula dan garam

(Pernyataan isi tersurat)

Jika tidak mengurangkan makanan yang mempunyai lemak, kadar obesiti akan bertambah.

(Huraian tersirat)

Isi 2:

Kita haruslah banyak bersenam.

(Pernyataan isi tersirat)

Dengan aktiviti ini, kita akan menjadi lebih sihat dan cergas

(Huraian isi tersirat)

Isi 3:

Di samping itu, makan mengikut waktu dan terancang juga penting.

(Pernyataan isi tersirat)

Amalan pemakanan amat penting, bak kata pepatah badan cergas otak cerdas.

(Huraian isi tersirat)

I	-	Ulasan idea yang jelas dan matang
B	-	Gramatis
K	-	Cemerlang
M	-	14/15

Contoh 2:

Amalan pemakanan yang baik boleh dilaksanakan dan berkesan untuk sesiapa yang bijak menguruskannya. Pemakanan yang baik tidak semestinya memakan makanan yang boleh merosakkan diri kita. Kita haruslah tahu untuk mengambil pemakanan yang terbaik untuk diri kita agar lebih sihat dan aktif. Sayur-sayuran dan buah-buah adalah salah satu pemakanan yang baik untuk tumbuh besar badan kita dan menyihatkan badan kita. Kesimpulannya, amalan pemakanan yang baik dan teratur harus diamalkan dalam kehidupan seharian kita agar mempunyai badan yang sihat dan otak yang cerdas.

(81 patah perkataan)

Ulasan:

Isi 1:

Amalan pemakanan yang baik boleh dilaksanakan dan berkesan untuk sesiapa yang bijak menguruskannya.

(Pernyataan isi tersirat)

TIADA HURAIAN ISI

Isi 2:

Pemakanan yang baik tidak semestinya memakan makanan yang boleh merosakkan diri kita.

(Pernyataan isi tersirat)

TIADA HURAIAN ISI

Isi 3:

Kita haruslah tahu untuk mengambil pemakanan yang terbaik untuk diri kita agar lebih sihat dan aktif.

(Pernyataan isi tersirat)

TIADA HURAIAN ISI

Isi 4:

Sayur-sayuran dan buah-buah adalah salah satu pemakanan yang baik.

(Pernyataan isi tersirat)

untuk tumbuh besar badan kita dan menyihatkan badan kita

(Huraian isi tersirat)

Isi 5:

amalan pemakanan yang baik dan teratur harus diamalkan dalam kehidupan seharian kita

(Pernyataan isi tersirat)

agar mempunyai badan yang sihat dan otak yang cerdas.

(Huraian isi tersirat)

I	:	Ulasan idea yang jelas
B	:	Masih gramatis. Kesalahan masih minimum
K	:	Baik
M	:	10/15

Contoh 3: Kategori Memuaskan 06/15

Kesan-kesan mengamalkan pemakanan yang baik ialah makan makanan yang seimbang seperti mengikut piramid makanan. Lemak, minyak, gula dan garam gunaannya hanya sedikit untuk diletakkan di dalam masakan. Makanan yang menyihatkan seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan lain digalakkan untuk melebihi memakannya. Nasi, mi, roti, bijirin dan ubi makan hanya diperlukan, tidak boleh dibanyak-banyakkan. Amalkanlah pemakanan yang sihat agar kita menjadi sihat.

(60 patah perkataan)

Ulasan:

Kurang daripada 60 patah perkataan

Isi 1:

Lemak, minyak, gula dan garam gunaannya hanya sedikit untuk diletakkan di dalam masakan

(Pernyataan isi tersurat)

TIADA HURAIAN ISI TERSIRAT

Isi 2:

Makanan yang menyihatkan seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan lain digalakkan untuk melebihi memakannya

(Pernyataan isi tersurat)

TIADA HURAIAN ISI TERSIRAT

Isi 3:

Nasi, mi, roti, bijirin dan ubi makan hanya diperlukan, tidak boleh dibanyak-banyakkan

(Pernyataan isi tersurat)

TIADA HURAIAN ISI TERSIRAT

Isi 4:

Amalkanlah pemakanan yang sihat agar kita menjadi sihat.

(Pernyataan isi tersirat)

I	:	Ulasan idea kurang jelas
B	:	Ayat kurang gramatis
K	:	Memuaskan
M	:	06/15

Contoh 4: Kategori Memuaskan 05/15

Antara amalan pemakanan yang baik ialah kita haruslah mengurangkan mengambil lemak, minyak, gula dan garam. Selain itu, dalam pemakanan yang baik, jumlah makanan yang perlu diambil paling banyak ialah 8 – 12 hidangan. Contohnya mi, nasi, ubi dan produk bijirin. Seterusnya ialah sayur-sayuran dan buah-buahan yang dihidang 3 – 5 hidangan. Akhir sekali, pemakanan yang baik juga mempunyai 2 – 3 hidangan protein serta 1 – 2 hidangan susu dan produk tenusu. Contohnya, ayam, itik, kambing, ikan dan lain-lain.

(70 patah perkataan)

Ulasan:

Ulasan kurang daripada 80 patah perkataan

Isi 1:

kita haruslah mengurangkan mengambil lemak, minyak, gula dan garam.

(Pernyataan isi tersurat)

TIADA HURAIAN ISI TERSIRAT

Isi 2:

Selain itu, dalam pemakanan yang baik, jumlah makanan yang perlu diambil paling banyak ialah 8 – 12 hidangan. Contohnya mi, nasi, ubi dan produk bijirin.

(Pernyataan isi tersurat)

TIADA HURAIAN ISI TERSIRAT

Isi 3:

Seterusnya ialah sayur-sayuran dan buah-buahan yang dihidang 3 – 5 hidangan.

(Pernyataan isi tersurat)

TIADA HURAIAN ISI TERSIRAT

Isi 4:

pemakanan yang baik juga mempunyai 2 – 3 hidangan protein serta 1 – 2 hidangan susu dan produk tenusu. Contohnya, ayam, itik, kambing, ikan dan lain-lain.

(Pernyataan isi tersurat)

TIADA HURAIAN ISI TERSIRAT

I	:	Ulasan idea kurang jelas
B	:	Kosa kata terhad
K	:	Memuaskan
M	:	05/15

Teknik Menjawab:

1. Calon mesti menjawab dalam satu perenggan.
2. Jawapan mesti mengandungi item yang berikut:
 - Pernyataan tema bahan rangsangan
 - Isi yang tersurat dan impak daripada isi tersebut (isi tersirat)
 - Nyatakan penegasan isi.
3. Calon dicadangkan membuat rangka ulasan seperti yang berikut:



Tema Bahan Rangsangan : PIRAMID MAKANAN

ISI TERSURAT (APA?) (DIPAPARKAN DALAM BAHAN)	ISI TERSIRAT (MENGAPA?) (IMPAK DARIPADA ISI TERSIRAT)
Nasi, mi, roti, bijirin lain dan produk bijirin dan ubi 8 – 12 hidangan	Makanan ini membekalkan tenaga
Buah-buahan dan sayuran Minimum 3 – 5 hidangan	Makanan ini membantu sistem penghadaman
Ikan, ayam, itik, daging dan kekacang 2 – 3 hidangan	Makanan ini sumber protein
Susu dan produk tenusu 1 – 2 hidangan	Makanan ini boleh menyebabkan obesiti
Lemak, minyak, gula dan garam Guna sedikit	Makanan ini boleh memudaratkan kesihatan

Kaedah Menulis:

- Ayat 1 : Pernyataan tema
- Ayat 2 : ISI (Tersurat) + HURAIAN (Tersirat) + CONTOH (Jika sesuai)
- Ayat 3 : PENANDA WACANA + ISI (Tersurat) + HURAIAN (Tersirat) + CONTOH (Jika sesuai)
- Ayat 4 : PENANDA WACANA + ISI (Tersurat) + HURAIAN (Tersirat) + CONTOH (Jika sesuai)
- Ayat 5 : Penegasan

Contoh karangan:

Piramid makanan merupakan panduan pemakanan untuk kesihatan. Nasi, mi, roti, bijirin dan ubi boleh diambil 8 – 12 hidangan kerana makanan ini membekalkan tenaga kepada manusia. Selain itu, kita digalakkan supaya mengambil hidangan buah-buahan dan sayur-sayuran secara minimum 3 – 5 hidangan untuk membantu sistem penghadaman. Di samping itu, kita disyorkan supaya makan ikan, ayam, itik, daging dan kekacang kerana makanan tersebut kaya dengan protein. Seterusnya, pengambilan susu dan produk tenusu mestilah dikurangkan untuk mengelakkan risiko obesiti. Akhir sekali, lemak minyak, gula dan garam mestilah digunakan sedikit sahaja bagi mengelakkan penyakit. Tegasnya, kita digalakkan mematuhi piramid makanan agar kesihatan lebih terjamin.

(99 patah perkataan)

Instrumen Contoh Bahagian D

Soalan 9 : Karangan (30 markah)

Panduan Pemarkahan

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	25 – 30 (28 – 30) (25 – 27)	Idea - Idea relevan dengan tugas - Huraian idea jelas, menarik dan matang - Contoh yang sesuai Bahasa - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Ejaan dan tanda baca betul Pengolahan - Pengolahan menarik, berkesan dan matang dengan pemerenggan yang sesuai - Format menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana tepat. - Penggunaan ungkapan menarik, tepat dan berkesan seperti peribahasa/pantun/cogan kata/frasa yang menarik
Kepujian	19 – 24 (22 – 24) (19 – 21)	Idea - Idea relevan dengan tugas - Huraian idea jelas, dan menarik - Contoh yang sesuai Bahasa - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas - Ejaan dan tanda baca betul - Kesalahan bahasa minimum Pengolahan - Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai - Format menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana sesuai. - Penggunaan ungkapan menarik, tepat dan berkesan seperti peribahasa/pantun/cogan kata/frasa yang menarik

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Baik	13 – 18 (16 – 18) (13 – 15)	Idea - Idea masih relevan dengan tugas - Huraian idea masih jelas dan masih menarik - Contoh yang masih sesuai Bahasa - Penggunaan ayat masih bervariasi dan masih gramatis - Penggunaan kosa kata masih luas - Ejaan dan tanda baca masih betul - Kesalahan bahasa masih minimum Pengolahan - Pengolahan masih menarik dan masih berkesan dengan pemerenggan yang masih sesuai - Format masih menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana masih sesuai.
Memuaskan	07 – 12 (10 – 12) (07 – 09)	Idea - Idea kurang relevan dengan tugas - Huraian idea kurang jelas dan kurang menarik - Tiada contoh atau contoh kurang sesuai Bahasa - Penggunaan ayat kurang bervariasi dan kurang gramatis - Penggunaan kosa kata terhad. - Kesalahan bahasa ketara Pengolahan - Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan dengan pemerenggan yang kurang sesuai - Format kurang menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana kurang sesuai.
Pencapaian Minimum	01 – 06 (04 – 06) (01 – 03)	- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan Penguasaan kemahiran menulis yang lemah - Tidak menjawab tugas atau karangan tidak menepati kehendak soalan/terpesong
Pemotongan markah untuk ejaan yang salah: ½ markah dipotong bagi ejaan yang salah - Pemotongan keseluruhan tidak lebih daripada 2 markah - Kesalahan ejaan yang berulang tidak diambil kira - Ejaan hendaklah mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.		

Skrip Contoh 1: (Soalan 1 Instrumen Contoh)

Sekolah anda akan menganjurkan sambutan Hari Guru. Sebagai ketua pelajar, anda telah diminta untuk menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut.

Tulis teks ucapan anda selengkapnya.

Yang Berusaha Tuan Haji Zainuddin bin Loman, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Laloh. Yang dikasihi Encik Sazali bin Ibrahim, Penolong Kanan Pentadbiran. Yang dihormati Encik Mohd Nazrul Koh bin Abdullah, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid serta guru-guru cemerlang, guru-guru, Badan Kepimpinan Pengawas dan rakan-rakan yang disayangi selalu. Assalamualaikum dan selamat pagi diucapkan kepada seluruh warga dewan. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana pada pagi yang mulia ini, masih lagi kita dapat sama-sama berkumpul dalam Dewan Gemilang SMKL yang serba indah ini bagi menjayakan sebuah majlis yang mulia iaitu Majlis Sambutan Hari Guru. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis kerana menjemput saya untuk memberikan ucapan. Sebelum itu, molek kiranya saya memulakan ucapan saya dengan serangkap pantun yang berbunyi:

Pergi berguru,
Menaiki bahtera,
Tanpa guru,
Siapalah kita;

Itulah tajuk ucapan saya pada pagi ini iaitu 'Tanpa Guru, Siapalah Kita'. Rakan-rakan, guru umpama pelita yang sentiasa menerangi kita dengan cahayanya. Tanpa cahaya itu, kita akan menjadi gelap dan tidak tahu mana arah tuju yang hendak dituju. Cuba kita lihat, siapa yang mengajar kita membaca, menulis dan mengira. Siapa lagi kalau bukan cikgu?

Warga dewan yang dikasihi,

Guru-guru mengajar kita dengan kegigihan yang sepenuhnya. Mereka sanggup mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit semata-mata untuk melihat kita Berjaya hingga ke menara gading. Teman-teman, mereka juga mempunyai keluarga seperti kita. Tapi pernah kamu berfikir, mengapa cikgu sanggup datang menghadiri tuisyen atau kelas tambahan kita sewaktu cuti sekolah berbanding bersama-sama keluarga mereka? Ya, mereka melakukan semua itu hanya untuk melihat kita Berjaya.

Selain daripada itu, guru juga merupakan pewaris para nabi. Tugas sebagai seorang guru adalah sangat mulia. Kerana ia bertepatan dengan apa yang Rasulullah ajarkan. Dalam sebuah hadith, Rasulullah ada mengatakan 'Jadilah kamu orang yang:

1. belajar
2. mengajar
3. mendengar
4. mencintai ilmu

dan janganlah kamu jadi orang yang kelima iaitu orang yang membenci ilmu'.

Seterusnya, guru-guru merupakan ibu atau ayah kedua kita selepas ibu bapa kandung kita. Mereka sedia membantu kita untuk meningkatkan prestasi diri dan Berjaya di penghujungnya. Oleh itu, kita hendaklah menghormati dan mengasihi mereka seperti mana kita mengasihi kedua ibu bapa kita. Dalam mencari ilmu yang berkat, jangan sesekali kita menyakiti hati mereka.

Akhir sekali, saya wakil semua pelajar ingin mengucapkan 'Selamat Hari Guru' kepada semua guru. Kami memohon ampun atas segala kesalahan yang pernah kami lakukan sama ada sengaja atau tidak dan halalkanlah segala ilmu dan pemberian yang diberikan. Saya sudahi ucapan saya dengan serangkap pantun yang berbunyi:

Makan berkelah di bawah pokok Ru,
Makan pula roti sekaya,
Jangan lupa jasa guru,
Mengajar kita hingga berjaya.

Sekian, terima kasih.

KEPUJIAN : 24/30

Skrip Contoh 2: (Soalan 1 Instrumen Contoh)

Sekolah anda akan menganjurkan sambutan Hari Guru. Sebagai ketua pelajar, anda telah diminta untuk menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut.

Tulis teks ucapan anda selengkapnya.

Terima kasih diucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, Tuan Pengetua Tuan Haji Zainuddin bin Loman, guru cemerlang, guru-guru dan rakan seperjuangan sekalian. Berdirinya saya di dewan keramat ini untuk menyampaikan sebuah ucapan yang bertajuk 'Guru insan yang penting dalam kehidupan kita'.

Sebelum saya membentangkan hujah saya, molek sekiranya jika saya definisikan tajuk saya kepada beberapa frasa. Frasa yang pertama ialah guru, guru saya menakrifkan sebagai individu yang mempunyai ilmu yang banyak dan sedia untuk berkongsi dengan orang ramai. Frasa yang kedua ialah insan yang penting ditakrifkan sebagai individu yang sentiasa diperlukan ketika senang mahupun susah. Frasa yang terakhir ialah kehidupan kita dapat ditakrifkan sebagai jangka hayat seseorang individu dalam melakukan pelbagai perkara sebelum tempoh hayatnya tamat.

Rakan-rakan yang dihormati,

Insan yang paling mulia di segenap penjuru dunia ialah seorang guru kerana guru mempunyai harta yang sangat bernilai berbanding dengan segunung emas di muka bumi ini. Harta mereka yang sangat bernilai itu ialah ilmu kerana ilmu dapat melahirkan insan yang berjaya di dunia dan di akhirat. Selain itu juga, martabat guru diangkat tinggi oleh semua orang kerana guru merupakan orang yang sangat terhormat di dunia dan di akhirat.

Seterusnya, guru menjadi tempat untuk kita peroleh maklumat tidak kira tempat mahupun bila kerana guru mempunyai ilmu yang sangat banyak. Jika seseorang murid tidak memahami pelajaran yang dipelajarinya, murid itu perlulah merujuk kepada guru kerana guru mengetahui jawapan bagi persoalan murid tersebut. Selain itu juga, kita dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar dan guru menjadi semakin erat.

Di samping itu juga, guru boleh dijadikan sebagai keluarga kita kerana di sekolah kita hanya mempunyai guru dan pelajar sahaja. Jika kita melakukan kesilapan atau kesalahan, merekalah yang akan menegur kita selain daripada kawan sekolah. Guru menjaga tingkah laku kita untuk menjadi seorang insan yang mampu berdikari dan berdisiplin. Tanpa guru, hidup masyarakat di sini tidak akan sempurna kerana gurulah yang mengajar dan mendidik supaya hidup kita menjadi sempurna.

Rakan-rakan yang disayangi,

Guru juga dapat melahirkan ramai atlet ataupun orang yang berjaya di dunia sebagai contoh, Dato Dr Syeikh Muzaffar tidak akan menjadi seorang angkasawan jika guru tiada. Sebagai bukti dia menggunakan ilmu yang dipelajarinya di sekolah agar dia menjadi seorang angkasawan yang terhebat di Malaysia. Ramai lagi insan yang berjaya di dunia ini oleh kerana guru yang mengajar mereka agar mereka menjadi seorang yang hebat di dunia. Tanpa guru, maka negara Malaysia akan mundur dan kekal mundur.

Di akhir ucapan saya, ingin saya mengatakan bahawa ilmu yang dibawa oleh guru perlu kita manfaatkan kerana peluang tersebut tidak akan datang lagi sekiranya kita tidak memanfaatkan ilmu yang dibawa oleh guru. Kita sebagai pelajar perlulah menghormati guru-guru kita kerana mereka diibaratkan sebagai kunci kepada kejayaan. Jika kita tidak menghormati mereka, masa depan kita akan kabur dan kemungkinan kita akan menjadi orang yang rugi. Oleh itu, hormatlah guru yang mengajar kita.

Sekian, terima kasih.

CEMERLANG : 28/30

Skrip Contoh 1: (Instrumen Contoh Soalan 2)

Penggunaan Internet banyak memberikan kebaikan kepada masyarakat. Bincangkan pernyataan di atas.

Pada zaman globalisasi, terciptanya pelbagai teknologi canggih yang mempunyai pelbagai fungsi. Masyarakat sekarang sudah mengikuti arus kemodenan tidak seperti dulu bak kata pepatah 'bagai katak di bawah tempurung'. Penggunaan internet terutamanya banyak mengubah kehidupan manusia sejagat ke arah kemodenan.

Penggunaan internet banyak memberi kebaikan kepada kita untuk menjalani kehidupan seharian. Internet banyak memberi manfaat dalam semua aspek terutama sekali pendidikan. Para pelajar dan pendidik menggunakan internet untuk mencari maklumat atau sumber tambahan selain daripada buku kerana ia mudah dan pantas untuk dicari. Sistem pendidikan kini juga telah dinaik taraf dengan memasukkan data-data dan maklumat penting ke dalam laman sesawang di mana, memudahkan kita serta mengurangkan pembaziran masa dengan menggunakan cara lama yang tidak relevan. Hal ini, internet dapat membantu dalam pendidikan yang dinaik taraf ke arah kemodenan.

Selain itu, masyarakat yang mengikuti arus kemodenan menggunakan alat-alat yang berteknologi canggih untuk berkomunikasi dengan lebih baik. Antaranya yang menjadi tumpuan ramai ialah facebook, twitter, instgram, blog, we chat, dan lain-lain lagi. Kini, 'sudah terang lagi bersuluh' penggunaan internet dapat memudahkan masyarakat untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Internet mengurangkan pembaziran dari segi masa, wang dan tenaga yang amat berbaloi. Masyarakat dapat mengeratkan hubungan serta memperkukuhkan perpaduan.

Seterusnya, negara yang maju ialah negara yang menggunakan internet untuk kebaikan serta pembangunan negara. Penggunaan internet dalam semua aspek dapat membina sebuah negara yang kondusif, serta membangun dan bakal menggemparkan negara-negara yang berkuasa besar terutamanya Jepun, Rusia, Amerika Syarikat dan sebagainya supaya mereka tidak memandang rendah kepada kita. Hal ini kerana, negara kita akan dihormati dan disanjung tinggi sebagai negara berkuasa besar.

Negara Malaysia ingin melahirkan generasi yang celik ICT untuk memimpin negara pada masa yang akan datang. Generasi yang celik ICT ini akan menggunakan internet untuk menyumbang kepada negara supaya dikenali seantero dunia. Penggunaan internet dapat menjadikan masyarakat celik ICT dan tidak terpekung dalam keadaan negara yang mundur. Oleh sebab itu, kerajaan mestilah menyediakan kemudahan kepada masyarakat untuk mereka diperkenalkan kepada mereka tentang kemajuan ini.

Konklusinya, penggunaan internet banyak memberikan kebaikan kepada masyarakat, tidak kira masyarakat yang belajar atau masyarakat yang bekerja ekoran internet amat penting untuk semua manusia yang berada dalam arus kemodenan. Walaupun begitu, masyarakat mestilah pandai untuk menggunakan kemudahan ini supaya tidak menyalah gunakan internet untuk perkara yang sia-sia yang banyak memberi kesan negatif kepada kita.

KEPUJIAN : 18/30

Skrip Contoh 2: (Instrumen Contoh Soalan 2)

**Penggunaan Internet banyak memberikan kebaikan kepada masyarakat.
Bincangkan pernyataan di atas.**

Penggunaan internet banyak memberikan kebaikan kepada masyarakat. Kita dapat lihat bahawa hampir setiap rumah mempunyai internet terutama dalam golongan orang yang telah berkerja dan yang sedang belajar. Ini kerana, internet sangat penting bagi mereka untuk menyelesaikan sesuatu pekerjaan malah internet juga dapat merungkai persoalan yang kita tidak tahu.

Melalui internet juga, kita dapat berkomunikasi dengan orang jauh sama ada diluar atau dalam negara. Banyak aplikasi yang kita dapat gunakan untuk berkomunikasi antaranya Skype, Facebook, Webcom dan lain-lain. Tambahan pula, apabila berkomunikasi menggunakan internet, semuanya adalah percuma! Selain itu, internet dapat menjimatkan masa. Contohnya, apabila kita tidak faham sesuatu perkataan, kita hanya perlu ke 'Google Translate' dan 'Google Translate' akan terjemahkan perkataan itu. Ini sangat cepat berbanding menggunakan kamus. Seterusnya, internet juga membantu kita menambah ilmu pengetahuan dalam semua subjek. Bahkan, internet juga membantu kita mencari rakan melalui Facebook, Twitter, Wechat dan lain-lain. Di samping itu, dengan internet juga kita boleh membayar cukai, bil dan lain-lain kerana kuasa ada pada hujung jari kita. Kita juga boleh membeli barang mentah dalam talian menggunakan TESCO Mart. Kepada sesiapa yang suka membeli-belah, internet juga memperkenalkan membeli barangan dalam talian. Keadaan ini seperti 'orang mengantuk diberi pula bantal'.

Kesimpulannya, internet banyak member kebaikan. Walaupun terdapat segelintir individu yang menyalah gunakan internet tetapi terdapat juga yang menggunakannya dengan betul.

(213 patah perkataan)

BAIK : 15/30

Skrip Contoh 3: (Instrumen Contoh Soalan 2)

**Penggunaan Internet banyak memberikan kebaikan kepada masyarakat.
Bincangkan pernyataan di atas.**

Internet merupakan komputer yang banyak digunakan. Banyak kebaikan internet yang dapat saya ambil. Contohnya kami boleh hantar email kepada kawan yang jauh. Dalam internet ada banyak gambar kita boleh download untuk buat kerja sekolah. Dalam internet ada muzik dan Facebook. Kami dapat main facebook dengan kawan-kawan jauh.

Selain itu, internet boleh menghiburkan kita. Kita boleh main game dalam internet. Harga internet tak mahal, RM2.00 untuk satu jam di Cyber Café. Saya dan kawan-kawan selalu pergi Cyber Café selepas sekolah. Kami tak pergi waktu sekolah takut cikgu marah dan tangkap polis.

Akhir sekali, cyber café banyak kawan dapat main internet. Ramai orang kata kami buang masa. Sebenarnya, tidak kerana internet ada macam-macam pengetahuan dan bacaan yang baik macam surat khabar dan lain-lain. Itulah kebaikan internet kepada masyarakat. Terima kasih.

(128 patah perkataan)

MEMUASKAN : 09/30

Skrip contoh 1: (Instrumen Contoh Soalan 3)

**Kadar kemalangan jalan raya di negara kita semakin meningkat pada setiap tahun.
Huraikan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menangani masalah tersebut.**

Kemalangan jalan raya di Negara kita semakin meningkat setiap tahun. Ini kerana akibat pemandu atau penunggang itu cuai ketika di jalan raya. Oleh itu, kita perlu berusaha menangani kemalangan jalan raya secepat mungkin agar kadar kematian akibat kemalangan tidak meningkat setiap tahun.

Antara usaha yang boleh dilakukan untuk mengelakkan kemalangan jalan raya ialah menguatkuasakan undang-undang jalan raya seperti mengikut had laju yang ditetapkan. Ini bagi memastikan agar pengguna jalan raya tidak memcuti laju untuk sampai ke destinasi yang dituju. Bagi siapa yang melanggar had kelajuan tersebut perlu diambil tindakan agar menjadi iktibar bagi dirinya.

Negara kita antara negara yang teratas yang menghadapi kemalangan jalan raya. Kita perlu malu dengan Negara yang ramai penduduk tetapi kadar kemalangan di Negara itu hanya sedikit. Contohnya, Jepun dan China. Walaupun penduduk di negara mereka banyak tetapi kadar kemalangan sedikit sebab mereka takut dikenakan tindakan kalau melanggar undang-undang jalan raya. Kita perlu contohi mereka.

Selain itu, sekatan jalan raya perlu diperbanyakkan untuk memastikan pemandu dan penunggang ada lessen, tidak mabuk, tidak mengambil dadah dan lain-lain. Ini kerana, penunggang yang beginilah yang mendatangkan masalah yang boleh menyebabkan kemalangan. Oleh itu, Menteri Pengangkutan Jalan harus menegaskan kepada agensi yang terlibat untuk membuat sekatan jalan raya bagi memastikan pemandu atau penunggang tidak bermasalah.

Kita juga perlu menguatkuasakan dan perbanyakkan penggunaan sisten AES. Ini adalah untuk pemandu mematuhi had kelajuan yang ditetapkan dan kalau kelajuan lebih dari had laju yang ditetapkan akan dikenakan tindakan. AES boleh mengambil gambar kenderaan yang lebih had laju dengan jelas. Ini membuktikan bahawa sistem di negara kita juga canggih tetapi jarang digunakan. AES banyak digunakan semasa cuti persekolahan, cuti hari perayaan dan cuti umum sahaja. Ini hanya merugikan kerana benda dah ada kenapa perlu simpan kamera AES tersebut. Kita perlu pasang AES ini pada setiap hari untuk memastikan pemandu tidak melanggar had laju yang ditetapkan.

Banyak lagi usaha untuk menangani kemalangan jalan raya yang boleh dilakukan selain yang diuraikan diatas. Antaranya, kita perlu memastikan tayar dan bahagian enjin diservis dahulu sebelum memulakan perjalanan, penumpang jangan berlebihan, lampu kenderaan mestilah berfungsi dan banyak lagi usaha yang boleh dilakukan untuk menangani masalah kemalangan jalan raya.

BAIK : 17/30

Skrip contoh 2: (Instrumen Contoh Soalan 3)

**Kadar kemalangan jalan raya di negara kita semakin meningkat pada setiap tahun.
Huraikan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menangani masalah tersebut.**

Kadar kemalangan jalan raya semakin meningkat setiap tahun. Berikut ialah usaha-usaha untuk menangani masalah tersebut.

Pertama, kita mestilah berhati-hati semasa melintas jalan. Jika tidak, kemalangan boleh berlaku. Jika lampu isyarat merah, baru kita melintas, jika lampu isyarat hijau kereta akan melanggar kita.

Selain itu, jika menunggang motosikal, jangan terlalu laju atau cuba menjadi Mat rempit. Mat rempit selalu kena kemalangan maut atau cedera parah. Jika cedera mak dan ayah akan sedih dan kesakitan.

Di samping itu, ketika hujan jangan bawa kereta dengan laju. Ramai pemandu bawa laju ketika hujan dan berlaku kemalangan. Oleh itu, jangan bawa laju ketika hujan.

Akhir sekali, harap pihak berkuasa ambillah tindakan tegas kepada semua pihak. Polis dan JPJ mesti saman yang langgar lampu isyarat dan speed trap. Beri saman RM300.00 agar mereka insaf.

Kesimpulannya, berhati-hati di jalan raya. Itulah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menangani masalah tersebut.

(146 patah perkataan)

BAIK : 14/30

Skrip contoh 3: (Instrumen Contoh Soalan 3)

**Kadar kemalangan jalan raya di negara kita semakin meningkat pada setiap tahun.
Huraikan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menangani masalah tersebut.**

Kadar kemalangan jalan raya di negara kita semakin meningkat pada setiap tahun. Setiap hari, berita di televisyen menyiarkan tentang kes kemalangan jalan raya. Akhbar harian pula sentiasa menulis mengenai kadar kemalangan jalan raya setiap hari.

Antara usaha yang perlu dilakukan untuk menangani masalah tersebut adalah dengan menguatkuasakan undang-undang kepada para pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan jalan raya. Contohnya, memandu melebihi had laju yang telah ditetapkan.

Selain itu, kerajaan mestilah menguatkan kawalan trafik lalu lintas di setiap jalan raya. Berhubungan dengan itu, pengguna jalan raya akan berasa terkawal dan takut untuk melakukan kesalahan di jalan raya. Pengawasan juga mesti dilakukan dari masa ke semasa agar pengguna jalan raya tidak berani untuk melanggar peraturan jalan raya.

Seterusnya, kempen kesedaran amatlah penting untuk menerapkan nilai murni dalam diri setiap individu di negara kita. Dengan mengadakan kempen beramai-ramai, kita dapat menjalinkan hubungan silaturrahim antara kaum yang terdapat di negara kita.

Di samping itu, kerajaan mestilah meningkatkan bilangan lampu isyarat di jalan raya kerana pengguna jalan raya lebih mematuhi lampu isyarat. Penggunaan lampu isyarat di jalan raya amat penting kerana pengguna jalan raya dapat menguatkan kesabaran dalam diri mereka.

Oleh itu, pengguna jalan raya mestilah sentiasa mematuhi peraturan jalan raya untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan di negara kita setiap tahun. Para pengguna jalan raya mestilah berprinsipkan 'pandu cermat, jiwa selamat' dalam diri masing-masing.

(201 patah perkataan)

KEPUJIAN : 20/30

NOTA :

**SKRIP CONTOH DI ATAS MENGANDUNGI BANYAK KESALAHAN KATA DAN AYAT.
PENULIS MENGEKALKAN SKRIP ASAL UNTUK TUJUAN KAJIAN DAN SEMAKAN.**